

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau persepsi guru-guru Ekonomi Asas Tingkatan 4, sekolah menengah di daerah Batang Padang, negeri Perak terhadap mutu buku teks Ekonomi Asas Tingkatan 4. Kajian ini meliputi aspek-aspek bilangan murid yang memiliki buku teks, kesesuaian keseluruhan kandungan buku teks dengan sukanan pelajaran, dan kekerapan guru menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar.

Dari segi kandungan buku teks pula dilihat mengenai kesilapan fakta dan maklumat, penerangan konsep ekonomi, kesesuaian kandungan dengan tahap pencapaian murid tingkatan 4, fungsi gambar-gambar, keluk-keluk dan jadual, fungsi latihan dan aktiviti, kesesuaian penggunaan bahasa, kesesuaian saiz huruf, gaya penulisan, kesesuaian penggunaan istilah-istilah ekonomi, kegunaan aktiviti, rumusan di akhir bab, glosari, dan indeks dari aspek pengajaran dan pemelajaran. Di samping itu, ditinjau juga tentang penggunaan buku teks lain selain buku teks yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di sekolah-sekolah dalam sampel kajian.

Berdasarkan analisis dan dapatan yang telah dibincangkan dalam bab 4, maka dalam bab ini dibuat beberapa rumusan dan cadangan untuk

meningkatkan mutu buku teks ini supaya dapat digunakan sebagai bahan bantu pengajaran dan pemelajaran dengan lebih bermakna dan berkesan.

Bilangan Murid Yang Memiliki Buku Teks

Berdasarkan data yang telah dianalisis, didapati peratus semua murid yang memiliki buku teks adalah dalam lingkungan 82.2% berbanding dengan 11.8% di sekolah yang 2/3 murid memiliki buku teks. Sekolah dalam sampel kajian yang $\frac{1}{2}$ daripada murid memiliki buku teks adalah sekitar 6% sahaja. Dapat disimpulkan di sini bahawa peratusan murid yang memiliki buku teks adalah tinggi.

Kekerapan Guru Menggunakan Buku Teks Dan Kesesuaian Kandungan Buku Teks Dengan Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas

Dapatan kajian menunjukkan lebih 75% guru-guru di daerah Batang Padang menggunakan buku teks Ekonomi Asas sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu sebagai bahan bantu mengajar. Mereka menggunakan buku teks ini lebih daripada sekali dalam seminggu dan ada di antaranya yang menggunakan setiap kali mengajar serta ada yang menggunakannya hanya sebulan sekali tetapi peratusan ini adalah amat kecil.

Seterusnya, dapatan yang diperolehi juga melaporkan semua guru-guru setuju bahawa kandungan buku teks ini sesuai dengan sukanan pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan 4 KBSM.

Kandungan Buku Teks

Dari segi kesilapan fakta dan maklumat, dapatan kajian mendapati hampir 60% guru menyatakan tidak ada kesilapan fakta berbanding dengan 23.5% menyatakan terdapat beberapa kesilapan fakta. Antara fakta dan maklumat yang didapati salah adalah data-data statistik yang kini sudah ketinggalan dengan peredaran masa. Kesilapan fakta dan maklumat ini boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan guru dan murid. Walaupun peratus ini kecil tetapi jika benar berlaku, perkara ini boleh menjelaskan kualiti buku teks ini.

Mengenai penerangan konsep pula, kajian ini mendapati lebih 75% guru-guru berpendapat penerangan konsep-konsep ekonomi dalam buku ini adalah jelas secara keseluruhannya dan penerangan konsep yang salah adalah pada tahap yang minimum sahaja.

Lebih 50% guru menganggap kandungan buku teks ini sesuai dengan tahap pencapaian murid cerdas berbanding dengan hanya 6% yang menyatakan tidak sesuai. Bagi murid yang mempunyai pencapaian sederhana pula, dapatan menunjukkan 70.6% guru merasakan kandungan buku teks ini adalah sesuai tetapi peratus yang menyatakan kandungannya sesuai untuk

murid pencapaian lemah adalah lebih kecil iaitu dalam lingkungan 50% sahaja.

Dari aspek fungsi gambar-gambar, keluk-keluk dan jadual-jadual yang terdapat dalam buku teks ini, jelas menunjukkan peratusan yang besar guru-guru memberikan jawapan bahawa fungsi-fungsi ini membantu murid mempertingkatkan kefahaman mereka terhadap pengetahuan dan konsep-konsep ekonomi.

Sebaliknya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan fungsi latihan dan aktiviti adalah kurang membantu dalam pengukuhan dan pemahaman murid. 53% guru menganggap fungsi latihan kurang membantu berbanding dengan 47% guru menganggap fungsi aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam buku teks ini kurang membantu.

Peratus yang besar guru juga menyatakan secara umumnya penggunaan bahasa dalam buku teks kajian ini adalah sesuai dengan tahap penguasaan bahasa murid-murid tingkatan 4. Begitu juga saiz huruf yang terdapat dalam buku teks ini juga dikatakan sesuai.

Gaya penulisan buku teks ekonomi adalah aspek penting dalam meningkatkan motivasi dan menambahkan minat pelajar untuk menceburi dan memahami bidang ekonomi. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini mendapati lebih 50% guru berpendapat gaya penulisan buku teks ini adalah menarik untuk murid-murid tingkatan 4.

Analisis daripada kajian ini juga menunjukkan penggunaan istilah-istilah ekonomi secara keseluruhannya adalah tepat (94%), kemaskini (71%),

dan konsisten sebanyak 88%. Namun, ada sebilangan kecil guru memberikan contoh-contoh istilah yang dikatakan istilah-istilah lama atau pun sudah ketinggalan zaman.

Aspek lain yang telah dikaji adalah berkenaan dengan kegunaan aktiviti, gambarajah, rumusan di akhir bab, glosari, dan indeks. Hasil yang diperolehi menunjukkan aspek-aspek ini berguna dari segi pengajaran dan pemelajaran.

Penggunaan Buku Teks Lain

Hasil kajian mendapati hampir 60% guru sahaja yang tahu akan kewujudan buku teks lain selain daripada buku teks yang dibekalkan di sekolah-sekolah iaitu hanya sebuah buku teks penerbitan Ibunda.

Selain itu, 82% daripada guru tidak pernah merujuk kepada buku teks lain selain buku teks yang terdapat di sekolah untuk tujuan pengajaran dan pemelajaran berbanding dengan 18% yang pernah rujuk kepada buku teks lain bagi tujuan yang sama.

Cadangan Untuk Meningkatkan Mutu Buku Teks

Dalam perbincangan analisis kajian, guru-guru juga telah diminta memberikan cadangan untuk meningkatkan mutu buku teks Ekonomi Asas Tingkatan 4 KBSM. Cadangan-cadangan itu telah dihuraikan dalam bab 4 dan

di sini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti buku teks ekonomi di negara kita. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti di bawah:

1. Penubuhan sebuah panel penilai buku teks supaya dapat mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam buku teks. Panel penilai ini mesti diwakili oleh pihak guru terutama guru-guru yang mengajar mata pelajaran ekonomi di sekolah.
2. Penglibatan pihak guru dalam penulisan dan penerbitan buku teks kerana merekalah orang yang paling arif dalam mengetahui keperluan pelajar mereka.
3. Menjalankan pengujian dan penilaian buku teks ekonomi sebelum diperkenalkan dan dibekalkan ke sekolah-sekolah.
4. Menjalankan program yang berterusan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu buku teks supaya data-data dan maklumat yang terkandung dalam buku teks adalah terkini.
5. Menyediakan garis panduan penggunaan buku teks ekonomi untuk digunakan secara efektif oleh guru-guru.
6. Menyediakan buku teks yang berbeza untuk pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang berbeza supaya pelajar yang lemah juga berminat untuk mengambil mata pelajaran ekonomi.

7. Menyempurnakan garis panduan penulisan buku teks ekonomi dan memantapkan kawalan mutu buku teks di Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya

Kajian ini adalah satu kajian yang melibatkan 17 orang guru yang mengajar Ekonomi Asas di sebuah daerah di negeri Perak. Oleh demikian, hasil kajian ini terbatas kepada persepsi sampel yang kecil sahaja. Jika ada pengkaji yang ingin membuat kajian yang sama, adalah dicadangkan supaya menggunakan sampel yang lebih besar agar hasil kajian boleh dipercayai. Misalnya, semua guru-guru Ekonomi Asas di Malaysia.

Selain itu, pihak-pihak yang terlibat dalam pelbagai perkara mengenai buku teks seperti penulis, penerbit, pegawai dari Bahagian Buku Teks serta pelajar yang menggunakan buku teks boleh dijadikan sampel kajian.

Kajian ini juga boleh dibuat dengan meminta pandangan dari penyunting buku teks dan terutamanya guru-guru yang terlibat dalam pemeriksaan kertas Ekonomi Asas dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia agar kandungan buku teks sesuai untuk pelajar menghadapi peperiksaan tersebut.